

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa masalah pencerobohan hutan secara haram dan penerokaan hutan berlesen di seluruh negara berada di dalam keadaan yang sangat serius ditambah pula dengan kegagalan penguatkuasa dan jabatan yang bertanggungjawab untuk mengatasi ini secara berkesan. Oleh itu, apakah usaha Kementerian bagi memastikan penguatkuasa menjalankan tugas dengan berkesan termasuk menggunakan teknologi seperti dron bagi memantau aktiviti ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua**

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) memandang serius isu pencerobohan hutan dan pembalakan haram. Kes-kes pembalakan haram sentiasa dipantau oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri. Penjenayah yang ditangkap melakukan kegiatan pembalakan haram atau kesalahan hutan akan didakwa berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] di Semenanjung Malaysia, Ordinan Hutan Sarawak 2015 (Bab 71) dan Enakmen Hutan Sabah 1968 (Sabah No. 2 of 1968).

2. Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pindaan ke atas Akta 313 bagi memantapkan penguatkuasaan hutan serta meningkatkan kadar denda dan hukuman bagi membendung kesalahan hutan. Peningkatan kadar denda ini adalah sebagai satu usaha pencegahan (*deterrence*) kepada masyarakat supaya tidak melibatkan diri dalam jenayah kesalahan hutan;
- (ii) program kawalan menyeluruh di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) terutamanya bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi (*hotspot*) bertujuan membanteras aktiviti pencerobohan dan pembalakan haram;
- (iii) menubuhkan Unit Perisikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi membantu tindakan penguatkuasaan yang tepat dan pantas;
- (iv) menggunakan teknologi terkini melalui aplikasi Sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5* (FMRS+5) bagi mengesan perubahan litupan kawasan hutan. Sistem ini disokong dengan penggunaan dron yang memberi gambaran kawasan secara *real time*, *Geographical Information System* (GIS) dan *Global Positioning System* (GPS);
- (v) menubuhkan Pusat Pemantauan Sumber Hutan Negara yang beroperasi 24 jam di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam pemantauan kesalahan hutan;
- (vi) mengadakan aktiviti penguatkuasaan seperti risikan, rondaan kawasan *hotspot* dan pemantauan udara kawasan berhutan dengan menggunakan helikopter dan dron dalam memantau kawasan pembalakan haram;
- (vii) meminda Enakmen Hutan Negeri Sabah 1968 untuk meningkatkan hukuman bagi kesalahan pembalakan haram iaitu mandatori penjara satu tahun dan tidak lebih 20 tahun

serta denda tidak lebih daripada RM500,000 jika sabit kesalahan;

- (viii) mewujudkan *Unit Monitoring, Control, Enforcement and Evaluation* (MCEE) dan *Protect Team* di Sabah yang memantau dan membanteras kegiatan pembalakan haram yang turut dibekalkan dengan senjata api;
- (ix) bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera, Unit Pencegahan Pembalakan Haram, Jabatan Ketua Menteri dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) bagi membanteras pembalakan haram di Sabah;
- (x) melibatkan dan melatih orang awam untuk berkhidmat sebagai Renjer Hutan Kehormat bagi mengesan pembalakan haram di Sabah;
- (xi) membentuk pelbagai jawatankuasa bagi membanteras pembalakan haram di Sarawak seperti State Task Force on Illegal Logging Committee, Illegal Logging Action Committee, Forestry Prevention and Enforcement Working Committee dan Pasukan Gerak Khas Pembanterasan Pembalakan Haram;
- (xii) mengadakan Operasi Bersepadu (Ops Rengas) bersama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan negeri dan persekutuan bagi membanteras pembalakan haram di Sarawak; dan
- (xiii) melaksanakan inisiatif Continuous Monitoring of Surveillance (COMOS) yang dibangunkan oleh Jabatan Hutan Sarawak untuk membekalkan maklumat risikan yang lebih cepat dan tepat mengenai kemungkinan berlaku pembalakan haram di sesuatu kawasan.

Sekian, terima kasih.